



# **KEGANASAN DALAM TALIAN BERASASKAN GENDER: ISU DAN IMPLIKASI DASAR**

**RINGKASAN DASAR**

# Isi Kandungan

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF .....</b>	<b>2</b>
<b>KONTEKS DAN KEPENTINGAN MENANGANI KEGANASAN DALAM TALIAN BERASASKAN GENDER .....</b>	<b>4</b>
Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender adalah Keganasan .....	4
Keganasan Dikuatkan dan Berganda .....	4
Mangsa/Pemandiri (Survivors) Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender .....	4
Jenis Kos Keganasan Berdasarkan Gender Dalam Talian .....	5
<b>KERUGIAN KEPADA NEGARA DALAM RINGGIT DAN SEN .....</b>	<b>8</b>
Implikasi terhadap Wawasan Pembangunan Malaysia "Tiada Sesiapa Yang Tertinggal .....	9
<b>IMPLIKASI DASAR .....</b>	<b>9</b>
Jurang Dalam Dasar, Undang-Undang dan Program/Perkhidmatan	10
<b>ALTERNATIF DASAR .....</b>	<b>12</b>
Cadangan-Cadangan Dasar untuk Negara .....	12
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>14</b>
<b>RUJUKAN TAMBAHAN .....</b>	<b>14</b>

# Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender: Isu dan Implikasi Dasar

## RINGKASAN EKSEKUTIF

**“ Internet adalah seperti jalan awam kita. Hanya kerana anda dirompak,tidak bermakna anda tidak melangkah keluar lagi..... la seperti bertanya selepas anda dirompak di jalanan, mengapa anda kembali ke jalanandan tidak berada di rumah anda untuk melindungi anda. ”**

Mangsa keganasan dalam talian berdasarkan gender dalam Penyelidikan, “Kuasa x Ekspresi x Keganasan: Kajian tentang Kebebasan Wanita Bersuara di Media Sosial di Malaysia” (3 November 2019)

Keberadaan teknologi digital di mana-mana bermakna terdapat cara baharu untuk keganasan berdasarkan gender (*Gender-Based Violence “GBV”*) dizahirkan dengan keamatan yang lebih tinggi dan capaian yang lebih luas. Dimensi teknologi menambah elemen kesungguhan (*persistence*), kebolehulangan (*replicability*) dan keupayaan untuk berkembang (*scalability*) yang memudahkan akses pemangsa-pemangsa kepada wanita dan kanak-kanak perempuan (dan juga lelaki dan kanak-kanak lelaki) yang mereka telah sasarkan. Hal ini boleh meningkatkan serta memburukkan lagi bahaya yang sedia ada. Insiden seperti serangan berkumpulan, *doxxing* (di mana seseorang menyiaran maklumat peribadi secara terbuka tentang seseorang individu atau organisasi dalam talian dengan niat untuk mengancam/menjemput ancaman terhadap sasaran) dan gangguan memburukkan lagi bahaya dan keganasan melalui penggunaan alat yang sama yang menjadi asas kepada kebebasan maklumat dan kebebasan berpendapat serta bersuara.

Wanita dan kanak-kanak perempuan menghadapi ancaman khusus termasuk ancaman rogol, gangguan seksual dalam talian, komen-komen kesat, penyebaran imej intim tanpa persetujuan (*Non-Consensual Dissemination of Intimate Images “NCII”*), *cyber-flashing* (kesalahan berkongsi gambar-gambar yang tidak senonoh kepada orang lain dengan tujuan untuk memalukan atau mengganggu), menghendap dan sebagainya. Kebanyakan insiden GBV dalam talian (*Online Gender-Based Violence “OGBV”*) ini bukanlah perkara baharu dan ia sebenarnya merupakan lanjutan daripada bentuk GBV yang dialami oleh para wanita dan kanak-kanak perempuan.

Kekurangan kesedaran dan mekanisme pemulihan pelanggaran melibatkan OGBV sebagai lanjutan keganasan berdasarkan gender sebahigiannya adalah disebabkan oleh kedua-dua palsu (*false duality*). Kedua-dua palsu antara “duniasebenar” (luar talian) yang nyata di mana semua orang wujud, dan dunia “siber” (dalam talian) yang sukar difahami di mana semuanya “tidak cukup nyata”. OGBV yang berlaku dalam alam digital sering dipandang remeh dan dianggap kurang berbahaya kerana ketiadaan keganasan fizikal. Namun, bentuk keganasan dari segi emosi atau mental boleh menyebabkan kesan negatif secara fizikal terhadap mangsa.

Walaupun bahaya dalam talian telah diperakui, terutamanya apabila melibatkan kanak-kanak, kita masih bergelut dengan analisis gender dan pengumpulan serta perkongsian data berdasarkan gender tentang keganasan dalam talian. Kebanyakan data pembulian dalam kalangan remaja dan kesan negatif pembulian tersebut terhadap mangsa tidak dicerakinkan mengikut gender. Namun, mungkin terdapat perbezaan besar yang memerlukan analisis supaya program-program yang direka akan memenuhi keperluan-keperluan sedia ada dengan lebih berkesan dan mengatasi kesan-kesan negatif disebabkan oleh keganasan berdasarkan gender.

Terdapat beberapa cabaran untuk menangani OGBV disebabkan oleh perluasan dan perkembangan keganasan berdasarkan gender di mana aspek teknologi melibatkan OGBV cenderung untuk mempercepatkan dan meningkatkan lagi keamatan (*intensity*) keganasan ini, dan sedikit sebanyak menyukarkan pengenalpastian pemangsa-pemangsa (terutamanya serangan-serangan berkumpulan yang melibatkan ribuan pemangsa), kelonggaran sempadan di dunia maya, keperluan pendekatan daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada organisasi-organisasi masyarakat sivil, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang meliputi pelbagai bidang kuasa dan syarikat-syarikat teknologi digital. OGBV bukanlah jenayah sampingan dan tidak hanya dialami oleh wanita-wanita yang lantang bersuara dalam talian sahaja. Ia berlaku setiap hari dan memberi kesan kepada para wanita dan kanak-kanak perempuan daripada pelbagai latar belakang dan identiti.

Terdapat juga bentuk-bentuk sistemik melibatkan OGBV dalam bentuk ucapan kebencian berdasarkan gender oleh parti-parti politik, ahli-ahli dan para penyokongnya. Untuk menghapuskan OGBV, kita perlu bergerak melangkaui penghapusan keganasan atau mensabitkan kesalahan jenayah terhadap pemangsa semata-mata, dan mula melihat kepada dasar-dasar dan program-program untuk menghasilkan proses dan prosedur tindak balas menyeluruh yang menghargai dan meraikan kepentingan kepelbagaian dalam kepimpinan, wacana dan dalam melaksanakan kebebasan berpendapat dan bersuara untuk pembangunan masyarakat yang matang dan maju.

# KONTEKS DAN KEPENTINGAN DALAM MENANGANI KEGANASAN DALAM TALIAN BERASASKAN GENDER

## Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender Ialah Keganasan

Banyak insiden keganasan dalam talian berasaskan gender bukanlah perkara baharu dan sebenarnya merupakan lanjutan daripada bentuk keganasan berdasarkan gender yang dialami oleh para wanita dan kanak-kanak perempuan. Contohnya, Pertubuhan Pertolongan Wanita (*Women's Aid Organization*) telah melaporkan bahawa dalam beberapa kes keganasan rumah tangga mereka, medium SMS dan aplikasi Mesej Terus (*Direct Message*) iaitu WhatsApp dan Facebook Messenger, telah digunakan untuk memeras ugut atau memaksa pasangan untuk kekal dalam hubungan yang menganiaya dan mendera. Alat-alat ini semakin menonjol dalam penggunaannya untuk memaksa isteri yang didera supaya tinggal bersama suami mereka yang mendera dan ganas.

P dalam proses meninggalkan suaminya yang kejam yang enggan menceraikannya. Suaminya sentiasa muncul di tempat kerjanya dan memaksa untuk bercakap dengannya. Banyak laporan polis yang telah dibuat oleh P terhadap suaminya tidak menghalang P daripada diganggu suaminya. Si suami kemudian menggunakan SMS untuk mengganggu P dan orang yang rapat dengan P. Lelaki itu berjaya mendapatkan senarai rekod telefon mangsa selepas memberi rasuah kepada seorang pekerja syarikat pembekal perkhidmatan telefon bimbit mangsa. Dia telah menggunakan nombor dan nama kad pengenalan P untuk mengetahui butiran akaunnya dan berjaya mendapatkan cetakan semua panggilan yang dibuat dan diterima oleh P. Dia kemudian terus mengancam pemilik nombor yang berada dalam rekod telefon P. Apabila P mendapat tahu, dia menulis kepada pembekal perkhidmatan telefon bimbit dan meminta nombornya ditukarkan dan rekodnya dibuat peribadi. Dalam kes ini, ancaman keganasan bukan sahaja menjelaskan P, tetapi juga saudara maranya dan semua orang yang pernah dihubunginya.

## Keganasan Dikuatkan dan Berganda

Keberadaan teknologi digital bermakna terdapat cara baharu untuk keganasan berdasarkan gender berlaku dengan keamatan dan capaian yang lebih luas. Dimensi teknologi menambah elemen kesungguhan (*persistence*), kebolehulangan (*replicability*) dan keupayaan untuk berkembang (*scalability*), yang kesemuanya memudahkan

akses pemangsa-pemangsa terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan (dan lelaki dan kanak-kanak lelaki) yang mereka sasarkan, dan boleh meningkatkan serta memburukkan lagi bahaya yang mereka alami. Medium digital berangkai, sebagai contoh, boleh dan memang memudahkan penyebaran imej intim tanpa persetujuan (NCII) mangsa kepada khalayak yang lebih luas dengan cara yang tidak mungkin dilakukan sebelum perkembangan teknologi internet. Insiden-insiden seperti serangan berkumpulan, *doxxing* (di mana seseorang menyiaran maklumat peribadi secara terbuka tentang individu atau organisasi dalam talian dengan niat untuk mengancam/menjemput ancaman terhadap sasaran) dan gangguan memburukkan lagi bahaya dan keganasan melalui penggunaan alat yang sama yang menjadi asas kepada pembebasan maklumat dan kebebasan bersuara.

Wanita dan kanak-kanak perempuan menghadapi ancaman khusus termasuk ancaman rogol, gangguan seksual dalam talian, komen-komen kesat, penyebaran imej intim tanpa persetujuan (NCII), cyber-flashing, menghendap dan sebagainya. Keganasan dalam talian berasaskan gender mempunyai ciri yang mengganggu keamanan, iaitu kebolehan mencederakan mangsa tanpa pengetahuan mangsa. Dalam kes-kes sedemikian, mangsa biasanya tidak berada dalam talian atau dalam ruang digital yang sama (contohnya, kumpulan bual, seperti ancaman rogol yang disebarluaskan dalam kumpulan bual WhatsApp oleh beberapa orang pelajar Brickfields Asia College pada 2017).

Ia adalah fenomena global dan kajian menunjukkan bahawa pengguna internet wanita menghadapi kadar ancaman yang lebih tinggi, untuk tempoh masa yang lebih lama dan secara berulang. Ancaman berterusan bukan sahaja mengurangkan kesejahteraan dan menyebabkan trauma psikologi, tetapi boleh menjelaskan prospek kerjaya dan keupayaan untuk berfungsi dengan berkesan dalam pasaran kerja dan mengambil bahagian dalam demokrasi.

## Mangsa/Pemandiri (Survivors) Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender

Mangsa-mangsa dan pemandiri-pemandiri (survivors) keganasan dalam talian berasaskan gender datang dalam pelbagai keadaan dan latar belakang yang sangat berbeza, sama seperti pemangsa-pemangsanya. Mangsa dan pemandiri termasuk:

- Gambar-gambar harian gadis muda di media sosial diambil tanpa kebenaran serta disebarluaskan dan digunakan secara seksual dalam medium/ruang digital yang berbeza (contohnya, V2K dengan dakwaan-dakwaan penglibatan anggota polis).

- Wanita warganegara Malaysia yang membentuk separuh daripada pengundi-pengundi Malaysia hanya kerana menyatakan realiti kehidupan mereka, pendapat, pemikiran dan kepercayaan mereka, seperti wanita muda yang mengambil bahagian dalam Parlimen Digital (contohnya, Yang Berkhidmat Selayang, Yang Berkhidmat Labis) dan penulis blog, seperti Cindy Tey dihendap dan penghendap dalam talian merupakan seorang wanita<sup>i</sup>.
- Usahawan wanita atau pemilik perniagaan kecil (contohnya, Neelofa, Sajat, Joy Revfa, dll). Usahawan wanita yang menggunakan medium digital untuk perniagaan mereka atau menjalankan perniagaan dalam talian kerap menerima gangguan seksual dalam talian, gambar tidak senonoh yang tidak diminta daripada pelanggan dan penghendap lelaki.
- Ahli sukan wanita (contohnya, Farah Ann Abdul Hadi, Ann Osman, Dhabitah Sabri, Pandalela Rinong, dsb) kerana memakai pakaian sukan rasmi, dsb.
- Wartawan, peguam dan artis wanita (contohnya, Aisyah Tajuddin, Tashny Sukumaran, Alia Affendi, Siti Kasim, Aidila Razak, Tehmina Kaoosji, dll) menghadapi gangguan kerana mempunyai pendapat yang kritis atau membuat liputan media tentang hal ehwal dan isu semasa.
- Ahli politik wanita di kedua-dua belah pihak, liberal atau konservatif, Perikatan Nasional atau Pakatan Harapan (contohnya, YB Dato' Azalina Othman, YB Maria Chin Abdullah, YB Hannah Yeoh, YB Kasturirani Patto, YB Dato Dr Noraini Ahmad, YB Siti Zailah, YB Syefura Othman, dsb).
- Aktivis hak asasi manusia wanita dan pemimpin masyarakat sivil (contohnya, Noor Faridah Ariffin daripada G25, Nisha Ayub dari SEED, Fadiah Nadwa Fikri yang berada bersama Pusat C4 pada masa itu, Asiah Abdul Jalil, dll).
- Selebriti wanita (contohnya, Sheila Majid, Daphne Iking, Sharifah Amani, Emma Maembong, Nur Fathiah Latiff, Adibah Noor, Baby Shima, Zizi Kirana, Azar Azmi, Wan Sharmila, dll).
- Aktivis hak asasi manusia lelaki, wartawan dan peguam (contohnya, Rizal Rozhan, Yu Ren Chung, Zurairi AR, dsb).
- Akademik (e.g. Afiq Noor, dsb).

Dalam hampir kesemua kes ini, persamaan antara mangsa dan pemandiri ialah mereka telah disasarkan kerana mereka adalah wanita atau individu LGBTQI.

## Jenis Kos Keganasan Dalam Talian Berasaskan Gender

Kos-kos keganasan dalam talian berasaskan gender kepada Malaysia masih belum jelas hanya kerana masih belum terdapat usaha yang lebih bersepada dalam mengumpul data dan mengasingkan data mengikut genderuntuk analisis yang lebih efisien. Akibatnya, sebahagian besar daripada kos keganasan dalam talian berasaskan gender dalam negara tidak kelihatan kecuali kepada mangsa-mangsa yang mengalami kemudaratannya. Walau bagaimanapun, normalisasi kemudaratannya dan pertambahan bilangan pemangsa yang bebas daripada hukuman ini adalah satu ancaman yang sangat nyata terhadap kesejahteraan negara jika pelaburan dan kos lepas (*opportunity cost*) diambil kira.

Keganasan dalam talian berasaskan gender menggalakkan budaya bebas daripada hukuman (*impunity*) dan budaya berjaga-jaga (*vigilantism*) yang tidak diingini.

Contohnya, Mohamad Edi Bin Mohamad Riyars atau dikenali sebagai Edi Rejang yang mendekati seorang promoter bir wanita berbangsa Cina Malaysia pada November 2018, kemudiannya telah disasarkan oleh netizen, sehingga mereka mendapat tahu bahawa anaknya sedang belajar di sekolah pendidikan Cina. Dalam videonya sendiri tentang promoter bir tersebut, diammeka promoter itu untuk berbicara dalam Melayu.

Ini dengan cepat bertukar menjadi cerita tentang bagaimana anaknya meraih kebolehan daripada pendidikan Cina, yang dibiayai oleh orang-orang Cina Malaysia, dan pelbagai tuduhan rasis telah dilemparkan kepadanya.

Keganasan dalam talian berasaskan gender boleh meluaskan jurang antara etnik dan memberi kesan negatif kepada perpecahan etnik di negara ini, membolehkan pempolitikan yang jelik terhadap etnik dan agama. Ia mampu berfungsi secara efektif untuk membantutkan dan mematahkan sebarang usaha kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan Malaysia dan membina identiti Malaysia.

Contohnya, Siti Fairrah Asyikin Kamaruddin (juga dikenali sebagai Kiki) yang merosakkan kereta Sim Hiak Hong yang berusia 68 tahun selepas kemalangan pada Julai 2014, tidak lama kemudian menjadi sasaran netizen. Kiki membuat permohonan maaf secara terbuka dan telah dimaafkan oleh mangsa. Dendanya kerana mengamuk dijalanan raya dengan cepat bertukar menjadi isu perkauman dengan dakwaan bahawa kes itu mendapat layanan keutamaan, lalu dengan sebab itu denda yang dikenakan atasnya adalah ringan. Dalam masa yang sama, sebahagian yang lain merasakan bahawa ia adalah denda yang terlalu berat. Kumpulan Perkasa telah mewujudkan dana untuk membantu Kiki membayar dendanya yang berjumlah RM5,000. Walaupun DAP turut menawarkan khidmat guaman, insiden itu tetap kekal menjadi isu perkauman.

Kos-kos kepada mangsa individu disebabkan oleh keganasan dalam talian berasaskan gender adalah termasuk:

1. Kos penjagaan kesihatan mental sepertimana mangsa telah berkongsi tentang ketidakupayaan mereka untuk bekerja dan fokus untuk jangka masa yang lama. Seorang mangsa mendapat dirinya tidak dapat memberi tumpuan kepada kerja selama lebih setahun.<sup>ii</sup> Bertentangan dengan kepercayaan bahawa kemudaratannya keganasan dalam talian berasaskan gender hanya wujud dalam alam maya keganasan ini pada hakikatnya memberi kesan negatif kepada kesejahteraan tubuh dan keselamatan mangsa. Kehadiran rangkaian digital di mana-mana bermakna pemangsa/penyerang boleh berada di mana-mana dan boleh jadi sesiapa sahaja. Ini meletakkan fikiran mangsa dalam keadaan fikiran dan jiwa yang tidak tenteram secara berterusan dan boleh menyebabkan penderitaan melampau yang tidak dapat dilihat oleh orang lain dengan mata kasar. Kesihatan mental boleh membawa kepada risiko bunuh diri seperti kes R. Thivya Nayagi yang mengambil nyawanya sendiri selepas menghadapi keganasan dalam talian secara bertubi-tubi yang disasarkan kepadanya disebabkan video Tik Tok yang memaparkan persahabatan/hubungannya dengan seseorang dari luar komuniti etniknya;<sup>iii</sup>
2. Ketidakupayaan untuk memberi tumpuan di tempat kerja dan ketidakhadiran di tempat kerja, yang mengakibatkan produktiviti berkurangan dan kehilangan peluang, dan mungkin juga kehilangan faedah dan/atau kenaikan pangkat;
3. Ketidakupayaan untuk memberi tumpuan dalam pelajaran dan ketidakhadiran di sekolah/kolej/universiti atau keciciran sepenuhnya daripada pengajian, yang mengganggu perkembangan potensi pelajar;
4. Kehilangan bakat yang boleh melonjakkan nama Malaysia di persada antarabangsa;
5. Kehilangan inisiatif keusahawanan oleh perusahaan kecil dan sederhana iaitu pemasaran utama peluang pekerjaan bagi kebanyakan rakyat Malaysia, yang boleh menjelaskan KDNK Malaysia secara lebih negatif, dan meningkatkan beban kerajaan kerana terpaksa menyediakan pekerjaan;
6. Penarikan diri daripada penglibatan sosial yang boleh menjelaskan hubungan/interaksi keluargaan, kerja dan sosial;
7. Penarikan diri daripada penyertaan awam, yang bermakna keperluan yang tidak dipenuhi tidak dinyatakan dengan cukup atau berkesan untuk membuat dasar;
8. Penarikan diri daripada penyertaan politik (atau penyertaan dalam politik di mana dirinya ditapis terutamanya ideologi politik), yang boleh menjelaskan sayap wanita dalam parti politik dan memberi kesan negatif kepada pergerakan akar umbi; hal ini seterusnya boleh menjelaskan perwakilan gender dalam hal tadbir urus dan dalam membuat keputusan/membuat dasar yang mungkin tidak berkaitan dengan realiti hidup yang dihadapi oleh sebahagian besar rakyat dalam negara ini;
9. “Chilling effect” (satu konsep yang menyekat atau menghalang penggunaan hak seseorang secara sah melalui ancaman sekatan undang-undang) terhadap mereka yang menyaksikan keganasan, sama ada menggalakkan mereka untuk turut serta menjadi ganas atau, jika mereka tidak bersetuju dengan keganasan itu, meminggirkannya.

Kos di peringkat individu adalah kos kepada negara dari segi:

1. Kadar penyertaan tenaga buruh yang lemah: Penyelidikan daripada ILO, UNDP, Pew Research dan lain-lain menunjukkan bahawa diskriminasi gender dan gangguan seksual memberi kesan negatif terhadap penyertaan tenaga buruh wanita. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia hanya di setakat 68.6% (DOSM, Q1, 2020) berbanding dengan kadar penyertaan tenaga buruh lelaki sebanyak 80.8% pada suku dan tahun yang sama. Mengurangkan jurang gender dalam kadar penyertaan tenaga buruh boleh meningkatkan KDNK Malaysia dengan ketara. Untuk mengurangkan jurang gender ini, terdapat keperluan untuk memahami faktor-faktor yang menghalang penyertaan tenaga buruh wanita termasuk isu-isu gangguan seksual dan keganasan dalam talian berasaskan gender.
2. Kesan-kesan negatif terhadap pembangunan tenaga kerja mahir Malaysia: Statistik menunjukkan bahawa lebih ramai wanita daripada lelaki berada di universiti (awam atau swasta), termasuk dalam program ijazah dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), bermakna mereka yang berkemungkinan membentuk tenaga buruh mahir Malaysia adalah wanita. Walau bagaimanapun, apabila semakin banyak pejabat menjadi maya dan beroperasi dalam talian dan semakin ramai wanita berada dalam

talian sama ada atas sebab kerja atau sosial, keganasan dalam talian berdasarkan gender boleh menyebabkan persekitaran kerja menjadi sangat tidak sihat dan tidak kondusif untuk produktiviti yang seterusnya boleh menyebabkan kehilangan tenaga kerja mahir, kehilangan pengetahuan dan kehilangan produktiviti untuk negara. Wanita akan mula tercincir daripada terlibat dalam ekonomi digital, yang berisiko memberi kesan negatif terhadap sumbangannya kepada KDNK Malaysia (rekod sebanyak 18.3% pada 2017).<sup>iv</sup>

3. Akibat kekurangan penyertaan awam dan politik wanita: Kajian kualitatif oleh Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor, "Suara, Keterlihatan dan Pelbagai Keganasan: Kajian Malaysia Terhadap Realiti Hidup Wanita di Media Sosial", menunjukkan bahawa 1 daripada setiap 2 wanita, memutuskan sama ada untuk meninggalkan ruang digital buat sementara waktu atau memadamkan kehadiran digital mereka secara kekal. Ini boleh memberikan implikasi yang teruk terhadap keberkesanannya dasar dan kecekapan reka bentuk program, pembangunan dan pelaksanaan, seterusnya bermakna penggunaan sumber yang sememangnya sudah terhad secara tidak efisien.
4. Persekitaran yang semakin terpolarisasi dan bermusuhan yang mendarangkan kesan negatif terhadap pembasmian kemiskinan dan usaha pembangunan berpaksikan rakyat.: Dalam kebanyakan kes, keganasan dalam talian berdasarkan gender digunakan untuk mendiamkan wanita dan kanak-kanak perempuan yang mengemukakan pendapat yang berbeza atau tidak popular, termasuk tuntutan kesaksamaan gender. Penghapusan kepelbagaian suara dengan keganasan seperti menggunakan agama oleh penghasut maya (trolls) berbayar adalah bertentangan kepada pembangunan demokrasi yang sihat di Malaysia. Penghasut maya (trolls) dan laskar siber (cybertrooper) yang diupah ini membiasakan sikap tidak bertoleransi dan secara rutin memburukkan wanita, kanak-kanak perempuan dan komuniti rentan sebagai tidak berharga. Akibatnya, hanya sedikit atau tiada perhatian langsung diberikan kepada fakta bahawa

tumpuan yang lebih kuat untuk memaksimumkan produktiviti wanita mempunyai manfaat yang lebih besar kepada negara. Kerja-kerja wanita bergaji dan tidak bergaji adalah penting untuk kelangsungan hidup isi rumah yang miskin, yang menunjukkan bahawa wanita adalah pembuat keputusan dan pengurus sumber yang lebih baik walaupun sumber mereka terhad. Kerja-kerja wanita bergaji dan tidak bergaji boleh dikatakan penting untuk kelangsungan perusahaan kecil dan sederhana, dan menjadi pemacu utama di sebalik peluang pekerjaan. Namun, pandangan yang diselidik dengan baik ini diabaikan oleh pembuat dasar. Kajian menunjukkan bahawa apabila produktiviti wanita dimaksimumkan, generasi akan datang akan mendapat manfaat dan berkemungkinan lebih mampu memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding generasi sebelumnya.<sup>v</sup> Ianya tidak dapat dinafikan bahawa wanita yang mempunyai tahap pendidikan dan pendapatan yang lebih tinggi, apabila mereka berkahwin, segera meningkatkan taraf ekonomi rumah tangga jika mereka kekal dalam tenaga kerja.

5. Kerugian dalam prestasi kewangan yang lebih tinggi. McKinsey (2015) telah mengkaji bagaimana kepelbagaian dalam kepimpinan dan tenaga kerja dalam syarikat (di UK, Amerika Syarikat dan Kanada, dan Amerika Latin), mempunyai hubungan positif dengan prestasi kewangan dan keuntungannya. Kajian menunjukkan bahawa syarikat dalam kedudukan suku teratas untuk kepelbagaian gender adalah 15 peratus lebih berkemungkinan memperoleh pulangan kewangan yang melebihi median industri nasional mereka, dan syarikat dalam kedudukan suku teratas untuk kepelbagaian kaum/etnik adalah 35 peratus lebih berkemungkinan untuk mempunyai pulangan kewangan melebihi median industri nasional mereka.<sup>vi</sup> Ini menunjukkan bahawa penyelesaian masalah dan membuat keputusan melalui pelbagai perspektif dan realiti hidup mendarangkan manfaat.
6. Peningkatan dalam permintaan penjagaan kesihatan mental: Ini mempunyai kesan langsung dalam membebankan sistem penjagaan kesihatan Malaysia dengan keperluan penjagaan kesihatan yang boleh dielakkan atau dikurangkan jika tindakan yang sewajarnya diambil.

## KERUGIAN KEPADA NEGARADALAM RINGGIT DAN SEN

Pada tahun 2020, populasi wanita bagi Malaysia ialah 48.6% atau sejumlah 15.74 juta daripada jumlah keseluruhan penduduk 32.37 juta. Populasi wanita Malaysia menurun secara beransur-ansur daripada 49.4% pada tahun 1971 kepada 48.6% pada tahun 2020.<sup>vii</sup>

Malaysia bimbang dengan negara yang semakin tua (*aging nation*) dan hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Malaysia semakin berkurangan. Ini mempunyai kesan politik apabila pemimpin-pemimpin politik bergelut dengan xenofobia di negara ini kerana sentimen negatif dan kemungkinan yang semakin meningkat bahawa faedah ekonomi tidak lama lagi akan tidak menguntungkan rakyat Malaysia tetapi tenaga kerja asing. Di satu sisi, Malaysia menginginkan populasi yang semakin meningkat dan masyarakat yang tidak menua.

Namun dalam masa yang sama, Malaysia meminggirkan penyertaan awam dan politik oleh wanita yang telah mengakibatkan dasar dan program pembangunan yang tidak berkesan, seperti pengabaian dalam memberikan lebih banyak sokongan terhadap peranan dan tanggungjawab penjagaan oleh wanita.

Jadual 1 menunjukkan jumlah kerugian negara dalam pelaburannya terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

Jadual 1 menggunakan anggaran yang sangat konservatif tentang kos untuk membesar dan mendidik anak perempuan. Syarikat-syarikat insurans memberikan anggaran yang lebih realistik iaitu RM400,000 hingga RM1.1 juta bagi seorang kanak-kanak jika kita hendak memasukkan penyediaan tempat tinggal, pakaian, tuisyen, dan lain-lain. Walaupun dengan anggaran yang sangat konservatif ini, Malaysia kehilangan RM640.11 bilion atau RM8.38 bilion setahun apabila diagihkan ke atas jangka hayat wanita iaitu 76.36 tahun di Malaysia. Angka ini jauh lebih tinggi jika kita membahagikan kos pelaburan dan kos lepas (*opportunity cost*) dengan jumlah tahun reproduktif/produktiviti seorang wanita.

**Jadual 1: Anggaran Konservatif Kos Nyata kepada Negara<sup>viii</sup>**

Jenis Kos	Juta Ringgit
Kos bersalin dianggarkan RM7,000 bagi setiap kanak-kanak x 15.74 juta wanita/kanak-kanak perempuan	110,180
Kos penjagaan kanak-kanak (termasuk makanan, lampin, ubat, vaksinasi, dll.) dianggarkan RM12,000 bagi setiap kanak-kanak x 15.74 juta wanita/kanak-kanak perempuan	188,880
Kos pendidikan dianggarkan RM20,000 (minimum) bagi setiap wanita/kanak-kanak perempuan x 15.74 juta wanita/kanak-kanak perempuan	314,800
Graduan wanita yang tidak mengambil bahagian dalam tenaga kerja dianggarkan 1.05 juta x RM25,000 untuk satu kursus ijazah	26,250
Pencalonan politik (kempen, deposit pilihan raya) dianggarkan RM200,000 setiap calon (kerusi Persekutuan) x 2 dan RM100,000 setiap calon (peringkat negeri) x 10	1.40
<b>JUMLAH KOS</b>	<b>640,111.40</b>

## Implikasi terhadap Wawasan Pembangunan Malaysia "Tiada Sesiapa Yang Tertinggal"

Tanpa mengira pendapat, kepercayaan, pemikiran dan politik, pandemik COVID-19 telah menunjukkan bahawa sekuriti negara, keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia hanya teguh jika ia terjamin di peringkat individu. "Tiada sesiapa yang ketinggalan" tidak boleh hanya diukur dari sudut ekonomi, tetapi mesti diukur dari sudut yang lebih menyeluruh, sejahtera dan secara saksama untuk semua dengan standard tertinggi.

Pandemik global telah mempercepatkan visi transformasi digital Malaysia. Dengan membiarkan keganasan dalam talian berdasarkan gender menjadi tidak terkawal, ianya menyumbang kepada risiko yang menghalang pelaksanaan potensi sumbangan penuh para wanita dan kanak-kanak perempuan kepada ekonomi digital dan pertumbuhan Malaysia. Pastinya, transformasi digital untuk Malaysia bermakna "keluar dari talian" (*going offline*) bukan lagi satu pilihan. Apabila wanita dan kanak-kanak perempuan memilih untuk keluar daripada ruang digital, mereka dinafikan peluang pekerjaan dan perkembangan kerjaya, akses kepada perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan hak penuh mereka sebagai rakyat di Malaysia.

Penyertaan awam dan politik wanita dan kanak-kanak perempuan mesti dipermudahkan dengan lebih baik jika Malaysia ingin menjadi lebih efektif dalam tadbir urus dan pembangunan negara; dan jika ia benar-benar ingin menjadi sebuah negara yang dipacu secara digital, berpendapatan tinggi dan peneraju serantau dalam ekonomi digital.<sup>ix</sup>

Memandangkan keganasan dalam talian berdasarkan gender ditujukan kepada semua kategori wanita dan kanak-kanak perempuan (termasuk juga lelaki dan kanak-kanak lelaki) daripada pelbagai kepercayaan, pemikiran, pendapat dan gabungan politik, amatlah penting untuk kita semua tanyakan, "apakah jenis masyarakat Malaysia yang kita cuba pupuk? Adakah kita berusaha ke arah bandar yang boleh didiami dan kehidupan lestari tanpa mempunyai kemahiran dan kapasiti untuk membangunkan hujah berdasarkan fakta? Apakah impak sebenar akibat daripada ketidakupayaan masyarakat Malaysia untuk melakukan dan menghadapi perbincangan yang kompleks dan rumit, dan tidak boleh menghormati serta menerima kepelbagaiannya kepercayaan, pendapat, pemikiran, dan politik? Adakah penolakan terhadap kepelbagaiannya menjadi penyebab kepada ketidakupayaan kita untuk berfikir di luar kotak, menyelesaikan masalah, dan bermuhasabah diri?" Ini adalah soalan-soalan kritikal yang melangkaui kecenderungan politik semua penggubal dasar.

## IMPLIKASI DASAR

Bukan semua bentuk keganasan dalam talian berdasarkan gender termasuk dalam tingkah laku jenayah. Pada masa yang sama, tiada undang-undang yang khusus digubal untuk menangani keganasan berdasarkan gender dalam talian. Normalisasi ketidaksaksamaan gender, stereotaip peranan dan tanggungjawab berdasarkan gender, gangguan seksual dan pengawasan moral (*moral policing*) menunjukkan bahawa cabaran yang sama dalam menangani keganasan berdasarkan gender wujud dalam menangani keganasan dalam talian berdasarkan gender. Ini termasuk budaya menghukum (*culture of impunity*) dan menyalahkan mangsa (*victim-blaming*), yang diburukkan lagi dengan kurangnya kepekaan gender (*gender-sensitisation*) oleh pihak berkuasa yang berkaitan serta masyarakat umum. Walaupun Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)<sup>x</sup> dan mengemukakan dua laporan— gabungan laporan awal dan kedua yang perlu diserahkan pada 1999 dan 2003 dan menggabungkan laporan ke-3 hingga ke-5 yang perlu dihantar pada 2012 tetapi hanya diserahkan pada tahun 2016 dan dibentangkan pada tahun 2018— namun, laporan terbaru Malaysia tidak menyentuh tentang isu keganasan berdasarkan gender yang dilakukan dalam talian.

Walaupun terdapat kesedaran dan program-program tentang pembulian siber dan gangguan dalam talian (*online harassment*) seperti yang dilihat di bawah inisiatif CyberSAFE kerajaan,<sup>xi</sup> inisiatif ini mengambil pendekatan perlindungan (*protectionist*) dan belum sampai ke tahap menangani punca keganasan dalam talian berdasarkan, iaitu diskriminasi berdasarkan gender terhadap para wanita dan kanak-kanak perempuan, dan golongan LGBTQI. Dalam kebanyakannya yang dikumpul oleh organisasi masyarakat sivil, mangsa-mangsa keganasan dalam talian berdasarkan gender jarang melaporkan kes mereka kepada penguatkuasa undang-undang atau agensi kerajaan.

Dalam kes-kes di mana laporan polis dibuat, proses pendakwaan jarang berlaku terhadap pemangsa kerana banyak sebab. Mangsa-mangsa telah menerima tindak balas yang bercampur-campur antara positif dan negatif daripada pihak polis.

Mangsa telah diberitahu oleh pegawai polis bahawa gambar bogel mereka yang tersebar bukan satu kesalahan jenayah kerana gambar itu diambil dengan persetujuan mangsa; atau gangguan dalam talian dan hendap dalam talian tidak mendatangkan bahaya sebenar. Kegagalan pegawai polis untuk mengiktiraf ancaman dan gangguan dalam talian sebagai keganasan berdasarkan gender atau malah sebagai jenayah di bawah undang-undang domestik, telah menjelaskan akses wanita kepada keadilan secara sistemik.

Dalam kes-kes lain, ada wanita yang menerima rasa empati daripada pegawai polis tetapi diberitahu bahawa tiada apa yang boleh dilakukan oleh pihak polis kerana mangsa telah memadam semua bukti komunikasi dengan pelaku kerana rasa takut dan panik; atau ianya adalah mencabar bagi pihak polis untuk mengesan semua pengguna dalam talian.

## Jurang Dalam Dasar, Undang-Undang dan Program/Perkhidmatan

**Undang-undang sedia ada telah menjenayahkan beberapa bentuk keganasan dalam talian berdasarkan gender pada tahap tertentu, tetapi masih terdapat jurang yang menghalang akses mangsa kepada keadilan**

Seksyen 383<sup>xii</sup> ("dengan sengaja mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa apa-apa bencana... dan dengan jalan demikian itu mendorong dengan curangnya orang yang didatangkan ketakutan itu supaya menyerahkan kepada mana-mana orang apa-apa harta atau cagarai berharga... melakukan "pemerasan") dan Seksyen 385 ("mendatangkan kepada mana-mana orang, atau mencuba mendatangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa apa-apa bencana akan berlaku"). Peruntukan-peruntukan ini telah digunakan untuk menyabitkan pemangsa-pemangsa yang mengancam untuk mengedarkan gambar-gambar tidak senonoh mangsa melalui teknologi digital sekiranya mereka enggan membayar duit. Walaubagaimanapun, keterpakaian undang-undang tersebut hanya setakat pada kes-kes yang terdapat unsur pemerasan dan ia cenderung untuk mengabaikan bahaya dari aspek psikologi terhadap wanita. Dalam kebanyakan kes, perlakuan mengedarkan gambar-gambar intim terjadi tanpa sebarang bentuk pemerasan tetapi hanyalah satu tindakan untuk "menghukum" atau menakutkan mangsa.

Seksyen 509<sup>xiii</sup> ("mengucapkan apa-apa perkataan atau membuat apa-apa isyarat yang bertujuan untuk mengaibkan kehormatan seseorang") Kanun Kesekeamanan telah digunakan oleh mahkamah jenayah untuk mensabitkan penjenayah bagi pengedaran gambar-gambar seksual yang eksplisit di media sosial. Peruntukan ini bagaimanapun tidak memerlukan tindakan peras ugut selagi perbuatan mencabuli hak itu telah dilakukan. Tiada apa-apa dalam peruntukan ini yang memberikan perlindungan atau hak undang-undang kepada mangsa sebelum pengedaran gambar-gambar seksual mereka yang eksplisit walaupun mangsa sendiri boleh meramalkan kebarangkalian untuk pencabulan hak itu berlaku. Peruntukan itu bersifat menghukum dan tidak menyediakan pilihan untuk perintah perlindungan atau injunksi.

**Undang-undang berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sedia ada tetapi tidak digunakan dalam insiden keganasan dalam talian berdasarkan gender**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang melindungi data peribadi individu berkenaan dengan transaksi komersial dan Akta Jenayah Komputer 1997 yang memperuntukkan kesalahan berkaitan penyalahgunaan komputer dan capaian tanpa kebenaran kepada bahan komputer, capaian tanpa kebenaran dengan niat untuk melakukan kesalahan lain dan pengubahsuaian kandungan komputer tanpa kebenaran tidak digunakan untuk mendakwa keganasan dalam talian berdasarkan gender di mana data peribadi wanita disebarluaskan dan dikongsi secara meluas tanpa kebenaran mereka.

**Apabila keganasan dalam talian berdasarkan gender tidak dilihat sebagai bahaya sebenar atau dilihat sebagai kurang penting atau tidak mengancam berbanding keganasan fizikal**

Akta Keganasan Rumah Tangga mengiktiraf keganasan dari segi psikologi sebagai satu bentuk keganasan dalam kes keganasan rumah tangga, dan pengiktirafan ini amat berguna dalam kes di mana keganasan dalam talian berdasarkan gender terlibat, khususnya apabila teknologi komunikasi digunakan untuk mengekalkan kawalan abusif terhadap mangsa. Walaubagaimanapun, masih terdapat cabaran dalam melatih dan mendidik penguatkuasa undang-undang tentang fakta bahawa "kemudaratan psikologi" adalah satu kemudaratan yang benar.

**Apabila keganasan dalam talian berdasarkan gender dilihat sebagai wajar terhadap mangsa**

Kanun Kesekeamanan secara jelas mengiktiraf jenayah rogol dan ketiadaan keizinan. Walaubagaimanapun, seperti yang ditunjukkan dalam satu kes, penguatkuasa undang-undang mempunyai stereotaip terhadap bagaimana rupa mangsa rogol, iaitu, dia mesti mengalami luka atau lebam, pakaian mereka koyak, dan sebagainya. Mereka juga tidak memahami konsep "persetujuan" dan bahawa ianya boleh ditarik balik semasa hubungan seksual. Penguatkuasa undang-undang boleh melanjutkan stigma yang sedia ada dan terus mendiskriminasi mangsa. Kebocoran laporan polis dan data peribadi oleh pihak polis menyebabkan mangsa benar-benar tidak berdaya kerana Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 gagal mempertanggungjawabkan pegawai kerajaan yang menyalahgunakan kuasa mereka.

**Apabila mekanisme aduan sedia ada mengurangkan keutamaan tindak balas yang tepat pada masanya dan keberkesanan tindak balas terhadap insiden keganasan dalam talian berdasarkan gender**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ditubuhkan oleh kerajaan, antara lainnya, adalah untuk mengawal selia dan memantau aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia. Portal aduan boleh didapati dalam talian, bagaimanapun, pengadu terlebih dahulu diminta untuk membuat aduan kepada penyedia perkhidmatan internet sebelum mengemukakan aduan kepada SKMM. Sebagai alternatif, pengadu mempunyai pilihan untuk menghubungi SKMM atau menghantar emel butiran kejadian. Walaupun terdapat maklum balas yang menggalakkan daripada SKMM, maklum balas itu tidak cukup tepat pada masanya kerana kandungan yang mencabuli hak individu itu sudah pun diedarkan dan dimuat turun atau telah ditangkap layar (screenshot) berulang kali.

CyberSecurity ialah syarikat berdaftar yang ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Syarikat itu ditubuhkan sebagai agensi pakar untuk menyediakan perkhidmatan keselamatan siber dalam mencegah atau meminimumkan gangguan kepada infrastruktur maklumat kritikal. Untuk menawarkan maklum balas kecemasan mengenai perkara yang berkaitan keselamatan komputer iaitu gangguan siber, percubaan menggodam, MyCERT telah disediakan oleh CyberSecurity. MyCERT telah merekodkan sejumlah 356 kes berkaitan gangguan siber pada tahun 2019.<sup>xiv</sup> CyberSecurity telah mengakui bahawa keadaan boleh menjadi lebih teruk, dan sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa, cuma insiden ini tidak mendapat liputan media dan disebabkan itu, skala masalahnya masih tidak diketahui.<sup>xv</sup> Gangguan siber termasuklah membuli, menghendap, gangguan-gangguan seksual, gangguan-gangguan berdasarkan agama dan kaum.<sup>xvi</sup> Setelah aduan diterima, MyCERT menggunakan garis panduan "Perjanjian Aras Khidmat"<sup>xvii</sup> dalam mengutamakan insiden dan dalam menentukan masa tindak balas.<sup>xviii</sup> Buli siber, penghendapan siber (*cyberstalking*) dan gangguan berdasarkan seksual diberi tahap keutamaan "3-Sederhana" (yang paling rendah antara semua) dan tempoh masa tindak balas 24 jam. Manakala gangguan siber yang berkaitan dengan diskriminasi agama dan kaum diberikan tahap keutamaan "2-Tinggi" dan jangka masa tindak balas dalam 24 jam.

CyberSecurity dan MyCERT cenderung untuk mengutamakan jenayah teknikal dan bermotifkan komersial seperti penipuan jenayah, serangan nafi khidmat (*Denial-of-Service "DoS"*) dan memancing data (*phishing*).

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (CMCF)<sup>xix</sup> telah ditubuhkan oleh SKMM pada tahun 2001 untuk menyediakan garis panduan, prosedur dan piawaian penyebaran kandungan oleh penyedia perkhidmatan dalam industri komunikasi dan multimedia Malaysia. CMCF membangunkan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Kod Kandungan"), yang merupakan kod sukarela yang mengenal pasti perkara yang menyenggung dan tidak menyenangkan sambil menetapkan kewajipan penyedia kandungan, dan akan menjadi kod tingkah laku yang diharapkan bagi mereka yang mendaftar dengan Suruhanjaya. Kod tersebut secara jelas melarang, antara lain, "seks dan kebogelan", "gambaran wanita, lelaki atau kanak-kanak sebagai objek seksual semata-mata atau merendahkan mereka dengan cara sedemikian adalah dilarang", "gambaran grafik keganasan seksual" dsb. Peruntukan-peruntukan ini akan meliputi tindakan keganasan dalam talian berdasarkan gender yang lebih jelas seperti gangguan siber yang lebih teruk dan penyebaran imej intim tanpa persetujuan (NCII). Walaubagaimanapun, kurang jelas sama ada tindakan keganasan dalam talian berdasarkan gender seperti "*doxxing*" (di mana seseorang menyiaran maklumat peribadi secara terbuka tentang individu atau organisasi dalam talian dengan niat untuk mengancam/menjemput ancaman terhadap sasaran) turut diliputi. Kekeliruan mengenai skop Kod Kandungan boleh menyebabkan kes-kes keganasan dalam talian berdasarkan gender tertentu dikecualikan daripada bidang kuasa Biro Aduan (badan yang menyiasat aduan yang diterima oleh CMCF).

**Perlindungan hak privasi wanita yang tidak mencukupi**

Walaupun mahkamah telah memasukkan hak privasi dalam tafsiran pada Artikel 5, meskipun tidak ada peruntukan yang jelas menyatakan hak ini dalam Perlembagaan Persekutuan, isu bacaan hak secara mendatar/menegak dan kewajipan kerajaan kekal bermasalah. Ketidaaian pengiktirafan data tertentu sebagai "peribadi", atau apabila kefahaman tentang privasi dan keizinan adalah terbuka kepada tafsiran budaya dan sosial kekal menjadi halangan untuk memahami bagaimana isu ini berkait rapat dengan kebebasan dan maruah individu seperti yang dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan kita.

Terdapat jurang yang besar dalam undang-undang dan dasar dalam melindungi hak privasi wanita. Pelanggaran hak privasi, persetujuan dan data peribadi adalah teras keganasan dalam talian berdasarkan gender iaitu penyebaran imej intim tanpa persetujuan (NCII) dan *doxxing* (di mana seseorang menyiaran maklumat peribadi secara terbuka tentang individu atau organisasi dalam talian dengan niat untuk mengancam/menjemput ancaman terhadap sasaran).

Keizinan yang diberikan secara eksplisit kepada individu atau disiarkan pada medium tidak boleh dilihat sebagai keizinan untuk data itu disebarluaskan kepada khalayak yang tidak dimaksudkan oleh pemilik. Memandangkan semakin banyak kehidupan sehari-hari kita dikongsi melalui teknologi digital, sempadan antara ruang peribadi dan awam sering menjadi kabur. Walaubagaimanapun, data peribadi kita tidak menjadi kurang peribadi hanya semata-mata kerana ianya berada dalam ruang awam.

Hak untuk privasi tidak dilindungi secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan dan ini telah menyebabkan kefahaman yang kabur tentang hak privasi kita.

## ALTERNATIF DASAR

Penghapusan keganasan dalam talian berasaskan gender memerlukan nafas baru dalam membentuk strategi semasa tentang keganasan berdasarkan gender kerana ianya melibatkan pelbagai hak antara kebebasan bersuara, hak untuk penyertaan politik dan hak terhadap layanan tanpa diskriminasi dan keselamatan, yang seterusnya dianggap sebagai hak-hak yang mempunyai kepentingan dalam politik negara. Ia juga melibatkan penempatan aktor-aktor secara global – kerajaan, rakyat dan medium digital; medium digital selalunya terletak dalam bidang kuasa yang berbeza.

Walaupun undang-undang diperlukan dalam kes di mana kemudaratan teruk telah berlaku, keganasan dalam talian berasaskan gender juga terdiri daripada pelbagai tingkah laku abusif termasuk gangguan bersasar, serangan berkumpulan yang terancang dan stigma dan diskriminasi yang disengajakan yang tidak membawa kepada kemudaratan berbentuk jenayah, walaupun ia boleh membawa ke arah kemudaratan secara agregat, terutamanya dalam kes-kes serangan berkumpulan dalam talian.

Terdapat keperluan untuk pendekatan pelbagai pihak dan tindak balas antara agensi kerajaan terhadap keganasan dalam talian berasaskan gender. Ini memerlukan penggunaan strategi pelbagai bentuk, daripada peringkat makro sehingga mikro, yang melibatkan pembaharuan undang-undang dan dasar, pelaksanaan dan pengembangan program-program pencegahan, penyelidikan dan pemantauan dsb.

## Cadangan-Cadangan Dasar untuk Negara

1. Menjalankan kajian empirikal di seluruh negara untuk lebih memahami pengalaman orang ramai dengan keganasan dalam talian berdasarkan gender, termasuk punca-punca individu menyebarkan kebencian dan melakukan keganasan dalam talian. Pengumpulan data adalah kunci dalam memahami di mana ia berlaku, kepada siapa ia berlaku, siapa pemangsanya dan mengapa ia berlaku. Dapatkan-dapatkan penyelidikan itu kemudiannya boleh digunakan untuk mereka bentuk dasar dan undang-undang yang megutamakan hak mangsa, serta penggunaan pendekatan alternatif untuk memastikan keadilan bagi mangsa, dengan itu hal ini dapat meningkatkan keberkesanannya dan kaitan undang-undang tersebut kepada mangsa/pemandiri (*survivor*) keganasan dalam talian berdasarkan gender.
2. Mengasingkan data berdasarkan gender yang dikumpul daripada laporan-laporan dan aduan-aduan mengenai keganasan dalam talian berdasarkan gender untuk membolehkan analisis yang lebih baik tentang tahap dan bentuk keganasan, jenis mangsa yang menjadi sasaran utama dan sebabnya.
3. Menggunakan strategi pencegahan yang baik dan mekanisme pemulihan yang mementingkan hak mangsa dalam institusi pembelajaran, termasuk sekolah, kolej dan universiti.
4. Menekankan etika dan tingkah laku internet, serta kepentingan mengadakan interaksi tanpa diskriminasi dan secara hormat dalam talian melalui program-program pendidikan dan mekanisme kawal selia dan pemantauan kendiri yang sesuai.
5. Memberikan panduan tentang perkara yang perlu dilakukan jika orang ramai menyaksikan insiden keganasan dalam talian berdasarkan gender.
6. Mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) agensi kerajaan dan pihak polis dalam menangani aduan keganasan dalam talian berdasarkan gender agar benar-benar mementingkan mangsa, tepat pada masanya dan proaktif.
7. Menjalankan kempen awam secara berkala berkaitan dengan peningkatan kesedaran tentang ucapan kebencian dan keganasan dalam talian berdasarkan gender.

8. Menangani sifat sistemik keganasan dalam talian berasaskan gender dan menjenayahkan penggunaan ucapan kebencian sebagai alat politik oleh parti-parti politik, ahli-ahli parti politik dan penyokongnya.
9. Menjalankan penilaian dan audit terhadap garis panduan dan prosedur tindak balas sedia ada oleh SKMM, CMCF, Agensi Keselamatan Siber dan pihak polis dalam menangani keganasan dalam talian berasaskan gender dan menyediakan cadangan untuk penambahbaikan, termasuk menubuhkan kaunter gender (*gender desk*) dengan kepakaran yang diperlukan untuk tindak balas, dan menambahkan kandungan khusus/garis panduan untuk kes-kes keganasan dalam talian berasaskan gender, memperincikan pendekatan untuk diguna pakai dalam menangani keganasan dalam talian berasaskan gender, atau garis panduan yang lebih khusus untuk menangani bentuk-bentuk tertentu keganasan dalam talian berasaskan gender.
10. Mengkaji isu, jurang dan keberkesanan Akta Perlindungan Data Peribadi dalam menegakkan hak privasi. Peruntukan dalam Akta tersebut perlu memasukkan pencabulan hak oleh aktor-aktor negara supaya penyalahgunaan kuasa dapat ditangani dengan berkesan, contohnya, kebocoran laporan polis, dan perkongsian nombor telefon wanita tanpa persetujuan oleh pegawai polis dan data peribadi mangsa/pemandiri.
11. Menubuhkan pasukan tindak balas bagi keganasan dalam talian berasaskan gender yang memerlukan pengalihan keluar kandungan dengan segera. Ini terutamanya untuk kes-kes yang melibatkan pengedaran imej intim dan data peribadi tanpa persetujuan.
12. Menggubal Akta Kesaksamaan Gender, Akta Gangguan Seksual dan meminda Kanun Kesejahteraan untuk menjadikan menghendap (*stalking*) sebagai satukesalahan.
13. Mengembangkan Artikel 5 dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memasukkan perlindungan yangjelas tentang hak privasi.
14. Menubuhkan Pasukan Petugas Antara Kementerian dan mengadakan rundingan secara berkala antara pihak-pihak berkepentingan dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan, masyarakat sivil, ahli akademik, media dan medium media sosial yang berkaitan.
15. Melantik pesuruhjaya kesaksamaan gender dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz, Z., & Moussa, J. (2016). Due Diligence Framework: State Accountability Framework for Eliminating Violence against Women. Malaysia: International Human Rights Initiative. [duediligenceproject.org/wp-content/uploads/2019/05/Due-Diligence-Framework-Report-151116.pdf](http://duediligenceproject.org/wp-content/uploads/2019/05/Due-Diligence-Framework-Report-151116.pdf)
- Adrina. (2014). "#WHY: Malaysian female blogger threatened by cyberstalker". Hype, 17 July. Accessed on 3 December 2020. <https://hype.my/2014/22603/why-malaysian-female-blogger-threatened-by-cyber-stalker/>
- Alan, G. (2016). Understanding masculinities and violence against Women and Girls. UN Women Training Centre, 1-78. [https://trainingcentre.unwomen.org/RESOURCES\\_LIBRARY/Resources\\_Centre/masculinities%20booklet%20.pdf](https://trainingcentre.unwomen.org/RESOURCES_LIBRARY/Resources_Centre/masculinities%20booklet%20.pdf)
- Banyard, V. L. (2008). Measurement and correlates of prosocial bystander behavior: The case of interpersonal violence. *Violence and Victims*, 23, 83-97.
- Juana Jaafar. (2017). Voice, Visibility and A Variety of Viciousness. Kuala Lumpur: EMPOWER.
- Malaysia's Joint Civil Society Submission to the UN Special Rapporteur on Violence Against Women: Online Violence Against Women. (2017).
- McMullin-Messier, Pamela [undated]. "Zero-Tolerance Policy towards gender-based abuse and violence".
- Selvaratnam, Subashini. (2010). "Cyberstalking a serious threat". The Star Online, 2 February. Accessed on 2 December 2020. <https://archives.thestar.com.my/news/story.asp?file=/2010/2/2/itfeature/5520802&sec=itfeature>
- Suzor, Nicolas & Dragiewicz, Molly & Harris, Bridget & Gillett, Rosalie & Burgess, Jean & Geelen, Tess. (2018). "Human rights by design: The responsibilities of social media platforms to address gender-based violence online". *Policy & Internet*.

## **RUJUKAN TAMBAHAN**

- World Economic Forum. Global Gender Gap Report 2020. Accessed on 23 June 2021. <https://www.weforum.org/reports/gender-gap-2020-report-100-years-pay-equality>
- Department of Statistics Malaysia. "Statistics on Women Empowerment in Selected Domains 2020, Malaysia". Accessed on 23 June 2021. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul\\_id=QlliTUxPQnhrR2tVa2kyOFpkWmhaZz09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZkIWdzQ4TlhUUT0](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=444&bul_id=QlliTUxPQnhrR2tVa2kyOFpkWmhaZz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZkIWdzQ4TlhUUT0)

**Ringkasan dasar ini ditulis daripada konsultasi kami dengan beberapa organisasi dan individu. Konsultasi dilakukan dengan:**

1. Afi Noor, Malaysia Reform Initiative (MARI)
2. Aidila Razak, Journalist at Malaysiakini
3. Aina Mardhiah, Eksekutif Bayt al-Rahmah at Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
4. Alina Hassan, Student Activist
5. Amanda Thomas, Malaysia Reform Initiative (MARI)
6. Azlina Roszy, Central Committee Member WANITA IKRAM at Pertubuhan IKRAM Malaysia
7. Balqis Azhar, HELWA (Hal Ehwal Wanita) at Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
8. Cheryl Yesudas, Article 19
9. Clarissa Lee, Independent Researcher
10. Kimberley Tan, Founder of Bukan Salah Kamek
11. Mazni Ibrahim, Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights (MCCHR)
12. Nalini Elumalai, Article 19
13. Nor Hanizah, Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights (MCCHR)
14. Nuralimah Jasni, Eksekutif Bayt al-Rahmah at Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
15. Nurazla, HELWA (Hal Ehwal Wanita) at Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
16. Rozana Isa, Executive Director at Sisters in Islam (SIS)
17. S. Mangleswary, Service Manager at Women's Centre for Change (WCC)
18. Thulsi Manogaran, Coordinator at Freedom of Expression (FOE) Cluster
19. Vilashini Somiah, Senior Lecturer from Gender Studies Programme at University of Malaya
20. Yeap Yen Ying, Social Worker at Women's Centre for Change (WCC)
21. Zurairi A.R., Assistant News Editor at Malay Mail

## NOTA KAKI

- <sup>i</sup> Adrina. 2014. "#WHY: Malaysian female blogger threatened by cyber stalker". *Hype*, 17 July. <https://hype.my/2014/22603/why-malaysian-female-blogger-threatened-by-cyber-stalker/>.
- <sup>ii</sup> Case was documented by KRYSS Network.
- <sup>iii</sup> Basyir, Mohamed and Perimbanayagam, Kalbana. 2020. Cyberbullying victim found dead after viral Tik Tok video". Accessed on 31 July 2020. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/594223/cyberbullying-victim-found-dead-after-viral-tik-tok-video>
- <sup>iv</sup> Kumar, Avanti. 2020. "Women in tech: Three women leading Malaysia's digital economy". *Disruptive Asia*, 17 March. Accessed on 26 June 2021. <https://disruptive.asia/three-women-leading-malaysias-digital-industry/>.
- <sup>v</sup> See Buvinic, Mayra and Furst-Nichols, Rebecca. 2014. "Promoting Women's Economic Empowerment: What Works?" *Policy Research Working Paper 7087*, November. World Bank Group. Accessed on 23 June 2021. <https://documents1.worldbank.org/curated/en/864621468337180679/pdf/WPS7087.pdf>. See also Gupta, Geeta Rao. "Chapter 1: Women and Poverty". *Women in the World*. BC Campus. Accessed on 23 June 2021. <https://opentextbc.ca/womenintheworld/chapter/chapter-1-women-and-poverty/>.
- <sup>vi</sup> The correlation is not necessarily causal but the existence of the relationship is statistically significant and consistently present in the data. For more information, see <https://www.mckinsey.com/featured-insights/diversity-and-inclusion/diversity-wins-how-inclusion-matters>; and for the report, see <https://www.mckinsey.com/~media/mckinsey/business%20functions/organization/our%20insights/why%20diversity%20matters/diversity%20matters.pdf>.
- <sup>vii</sup> Website, knoema.com. Accessed on 23 June 2021. <https://knoema.com/atlas/Malaysia/topics/Demographics/Population/Female-population>
- <sup>viii</sup> Estimates are based on the following figures in these websites: AIA Malaysia website, <https://www.aia.com.my/en/what-matters/finance/cost-of-raising-a-child-in-malaysia.html>; iMoney website, <https://www.imoney.my/articles/political-donations-here-other-countries-where-does-malaysia-stand>; Department of Statistics Malaysia website, [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul\\_id=Y3NVdE44azFHBzkyeFlaWGF2ZER6Zz09&menu\\_id=U3VPMIdoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul_id=Y3NVdE44azFHBzkyeFlaWGF2ZER6Zz09&menu_id=U3VPMIdoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09)
- <sup>ix</sup> Mohamed, Mustapa. 2021. "Fast track to digital future". *TheStar.com.my*, 21 February. Accessed on 26 June 2021. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/02/21/fast-track-to-digital-future>.
- <sup>x</sup> Malaysia, to-date, has only ratified three conventions, issues under which are often bandied about as soft issues – women, children and people with disabilities.
- <sup>xi</sup> See: <https://www.cybersafe.my/en/>.
- <sup>xii</sup> "KL woman offered RM3k to model, sexually assaulted while bg locked inside car trunk instead." *World of Buzz*, December 25, 2019, <https://worldofbuzz.com/kl-woman-offered-rm3k-to-model-sexually-assaulted-while-bf-locked-inside-car-trunk-instead/>.
- <sup>xiii</sup> "Man fined RM4000 for posting ex girlfriend semi nude photo on Instagram" The Star, August 14, 2020, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/08/14/man-fined-rm4000-for-posting-ex-girlfriend039s-semi-nude-photo-on-instagram>.
- <sup>xiv</sup> See: <https://www.mycert.org.my/portal/statistics-content?menu=b75e037d-6ee3-4d11-8169-66677d694932&id=e49c91c1-4b04-4748-8152-294764f9c8dc>.
- <sup>xv</sup> A total of 72 cases were reported in 2008 and it shot up 241 per cent to 174 cases in 2009. See <https://archives.thestar.com.my/news/story.asp?file=/2010/2/2/itfeature/5520802&sec=itfeature>.
- <sup>xvi</sup> See: <https://www.mycert.org.my/portal/full?id=44976922-60b2-4740-8cbf-0839907fcf8c>.
- <sup>xvii</sup> See [https://www.mycert.org.my/en/services/report\\_incidents/cyber999/main/detail/800/index.html](https://www.mycert.org.my/en/services/report_incidents/cyber999/main/detail/800/index.html).
- <sup>xviii</sup> Response Time is defined as the time taken between receiving of an incident and the time taken by a MyCERT staff to begin working on the incident which include analysis, communication and sending notifications to respective parties. Due to the wide diversity, complexity of incidents that can occur, and the methods needed to resolve them, response time IS NOT defined as the time taken between receiving of an incident and problem resolution.
- <sup>xix</sup> See <http://www.cmcf.my/home.php>.



# KONTAK

info@kryss.network  
<https://kryss.network/>

Facebook: KRYSS Network  
Twitter: @kryssnetwork  
Instagram: @kryssnetwork